

15/08/1998

Malaysia tidak akan mengemis

Lichong Angkui

LABUAN, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulangi pendirian Malaysia tidak akan mengemis atau meminta bantuan daripada pihak lain dalam proses pemulihan ekonomi, sebaliknya akan berusaha sendiri memulihkannya.

Menurut Perdana Menteri, tindakan meminta-minta daripada orang lain akan menimbulkan lebih banyak masalah kerana pihak asing akan menjadikan negara ini sebagai wilayah jajahan baru mereka.

Sehubungan itu, beliau mahu rakyat terus mempertahankan suasana tenang dan aman yang dinikmati sekarang dan mengukuhkan lagi perpaduan di kalangan mereka bagi memudahkan kerajaan mengatasi masalah berkenaan.

"Jangan ada rusuhan, jangan ada tindakan liar dan penyebaran khabar angin... jangan kita buat semua itu.

"Sebaliknya, kita tenangkan keadaan dalam negara. Kita harus kukuhkan lagi perpaduan antara kita," katanya pada Majlis Pertemuan Terbuka Perdana Menteri bersama pemimpin Umno, parti komponen Barisan Nasional (BN) serta pegawai kerajaan di Dewan Masyarakat, di sini, hari ini.

Hadir bersama kira-kira 2,000 penduduk tempatan, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Yusof Nor; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Ibrahim Saad dan Ketua Umno Bahagian Labuan, Abdol Mulok Awang Damit.

Pada majlis yang sama, Perdana Menteri menerima sumbangan berjumlah RM170,000 daripada beberapa syarikat swasta, dewan perniagaan dan tokoh korporat tempatan untuk Dana Khas Negara.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke Labuan sejak semalam berkata, rakyat pelbagai kaum juga tidak harus mengalah kepada cubaan sesetengah pihak untuk melaga-lagakan kaum di negara ini.

"Inilah usaha yang kita perlu buat untuk mempertahankan negara. Kalau kita kata negara kita adalah tanggungjawab kita, maka tanggungjawab kita ialah untuk menentukan tiada perselisihan faham antara kaum yang ada di Malaysia.

"Jika ada masalah, kita boleh runding dan selesaikan di meja bulat. Tetapi jangan ada sebarang pertikaian yang boleh mencetuskan rusuhan.

"Setakat ini, alhamdulillah, walaupun ada percubaan melalui Internet untuk melagakan kaum di Malaysia, kita berjaya mengawal keadaan dan negara terus aman," katanya.

Dalam ucapan kira-kira sejam itu, Perdana Menteri turut menerangkan mengenai langkah yang diambil kerajaan memulihkan ekonomi, antaranya penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Menurutnya, sedikit sebanyak negara sudah berjaya dalam proses pemulihan itu kerana jika tidak berjaya melaksana rancangan yang dibentuk MTEN, sudah tentu negara menghadapi banyak masalah akibat kemungkinan terpaksa tunduk kepada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Beliau berkata, separuh daripada rancangan MTEN sudah dilaksanakan dan banyak lagi yang dirancang dan akan dilaksanakan pada masa hadapan.

"Saya yakin dengan sokongan daripada rakyat, kita dapat mengatasi serangan yang dibuat oleh pihak asing," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, proses pembangunan akan dilaksanakan secara adil untuk semua kawasan di negara ini menggunakan segala sumber yang diperolehi, antaranya menerusi kutipan cukai.

Beliau bangga kerana Labuan kini mencapai kemajuan yang agak pesat dan banyak projek pembangunan dilaksanakan walaupun dalam suasana kegawatan

sekarang.

Terdahulu pada sebelah pagi, Dr Mahathir meninjau projek terminal baru Lapangan Terbang Labuan bernilai RM138 juta yang dijangka siap menjelang akhir tahun ini. Projek itu meliputi pembinaan terminal baru serta pemanjangan landasan sejauh 500 meter, menjadikan landasan keseluruhan kelak sepanjang 2,900 meter.

Pada lawatan itu, beliau diberi taklimat oleh Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Labuan, Loh Tee Kok.

Kemudian, Perdana Menteri melawat Kompleks Bangunan Gunasama Persekutuan bernilai kira-kira RM200 juta di Kiamsam, kira-kira 16 kilometer dari pusat bandar Labuan yang menempatkan pejabat kerajaan dan kuarters kakitangan.

(END)